

Jawab semua soalan

1. Susun proses pemikiran komputasional dengan menulis **1,2** dan **4**. Nombor 3 telah diberikan.

Meninggalkan perkara tidak penting	3
Mengenalpasti corak yang sama	
Sediakan satu model penyelesaian masalah	
Masalah dipecahkan	

2. **P,Q, R** dan **S** adalah Teknik dalam pemikiran komputasional.

P	Peniskalaan	Q	Pengecaman Corak
R	Pengitlakan	S	Leraian

Berdasarkan maklumat di atas, padankan teknik dengan menulis **P,Q R** dan **S** pada petak yang disediakan

Teknik yang menganalisis dan mengenalpasti kesamaan atau ciri yang sama untuk masalah yang lebih kecil	
Teknik yang meninggalkan aspek-aspek kurang penting dan fokus kepada aspek-aspek penting	
Teknik yang melibatkan pembinaan model seperti peraturan bagi masalah yang diselesaikan	

3. Maklumat berikut adalah berkaitan sistem nombor perlapanan. Tanda ($\checkmark$) bagi ciri yang **betul** dan (X) bagi ciri yang **salah** pada ruang jawapan yang disediakan.

Sistem nombor perlapanan	Ruang jawapan
Sistem yang dikenali juga sebagai Sistem Asas 8 dan sistem nombor desimal	
Mempunyai lapan pilihan digit bermula daripada 0 hingga 8	
Nilai tempat sistem ini ialah 1,8,64,512, 4096 dan seterusnya	

4. **A, B** dan **C** adalah maklumat berkaitan nombor perduaan

A	1110
B	11110010
C	100110

Berdasarkan maklumat di atas, padankan nombor perduaan tersebut dengan menulis **A, B** dan **C** pada petak jawapan yang disediakan

242	
38	
14	

5. **A, B, C, D** dan **E** adalah langkah penukaran nombor perpuluhan kepada nombor perlapanan dengan menggunakan kaedah bahagi dengan 8 dan gunakan bakinya yang tidak mengikut urutan.

A	Langkah pembahagian menggunakan hasil bahagi yang sebelumnya diulangi sehingga hasil bakinya tidak boleh dibahagi lagi
B	Jika nombor adalah lebih besar daripada 7, maka dibahagikan dengan 8
C	Suatu nombor perpuluhan diberi
D	Hasil bahagi pertama dan bakinya dicatat
E	Tulis semua baki yang tercatat dari bawah ke atas

Susun langkah penukaran nombor perpuluhan itu mengikut urutan yang betul dengan menulis **A, B** dan **D** pada petak yang disediakan. Langkah 1 dan 5 diberi

Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4	Langkah 5
C				E

6. Maklumat berikut adalah tentang nombor perduaan.

A	11010001110 ₂
----------	--------------------------

B	111001101 ₂
----------	------------------------

C	10100111110 ₂
----------	--------------------------

Padankan nombor perduaan dengan nilai perlapanan yang betul dengan menulis **A, B** atau **C** pada petak yang disediakan.

2476 ₈	
3216 ₈	
715 ₈	